



22 September 2015
Notis Pemberitahuan
Bil. 2/2015

KRITERIA PERTUKARAN PUNCA RADIOAKTIF BAGI AKTIVITI RADIOGRAFI INDUSTRI

TUJUAN

1. Tujuan Notis Pemberitahuan adalah untuk memaklumkan kepada pemegang lesen di bawah Akta Perlesenan Tenaga Atom 1984 (Akta 304) mengenai kriteria pertukaran punca radioaktif bagi aktiviti radiografi industri.

LATAR BELAKANG

2. Sebagai panduan kepada agensi/ syarikat yang menjalankan perkhidmatan pertukaran punca radioaktif bagi aktiviti radiografi industri, AELB telah mewujudkan kriteria minimum bagi memastikan agensi/ syarikat yang mengendalikan pertukaran punca radioaktif tersebut adalah mengikut kehendak AELB.

3. Kriteria ini terpakai untuk agensi/ syarikat yang mempunyai Lesen Kelas A di bawah Akta Perlesenan Tenaga Atom 1984 (Akta 304).

ARAHAN AELB

4. Agensi/ syarikat yang ingin mengendalikan dan menjalankan perkhidmatan pertukaran punca radioaktif bagi aktiviti radiografi industri, hendaklah mematuhi kriteria yang ditetapkan seperti di **Lampiran A**.

PENGUATKUASAAN ARAHAN

5. Arahan ini adalah berkuatkuasa mulai **02 November 2015**.

PENUTUP

6. Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan mengenai Notis Pemberitahuan ini, sila berhubung dengan AELB menggunakan alamat di bawah.

Pengarah

Bahagian Dasar dan Hubungan Luar

Lembaga Perlesenan Tenaga Atom

Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi

Batu 24, Jalan Dengkil

43800 Dengkil, Selangor

No. Tel : +603-89225888

No. Faks : +603-89223685

E-mel : pbs@aelb.gov.my

Laman Web : www.aelb.gov.my

**KRITERIA PERTUKARAN PUNCA RADIOAKTIF
BAGI AKTIVITI RADIOGRAFI INDUSTRI**

- 1) Keperluan kelengkapan peralatan yang mandatori:
 - i. *Source changer*
 - ii. *Winding cable* sekurang-kurangnya 25 kaki
 - iii. *Extension guide tube* yang dikeluarkan oleh pembekal asal
 - iv. Meter tinjau yang bersesuaian (julat yang tinggi)
 - v. Alat pemotong atau gergaji besi
 - vi. Kepingan plumbum
 - vii. *Dummy pigtail*
 - viii. Tempat yang sesuai dan selamat yang mana kadar dedahan tidak boleh melebihi 20 *mSv/yr* bagi pekerja sinaran dan 1.0 *mSv/yr* untuk orang awam
 - ix. Peralatan kecemasan
 - x. Notis dan lambang sinaran dipasang termasuklah *blinking light* (jika perlu). Wisel juga boleh digunakan bagi menjauhkan kehadiran orang awam di lokasi pertukaran punca.

- 2) Memastikan segala peralatan kecemasan adalah berada dalam keadaan yang baik dan boleh digunakan. Keperluan ini perlu dipastikan sebelum ianya digunakan. Suatu rekod penyelenggaraan alat kecemasan perlu disediakan bagi membuktikan alat berfungsi dan berada dalam keadaan yang baik.

- 3) Hanya pengendali/pekerja sinaran (radiografi industri) yang diiktiraf sahaja dibenarkan melakukan pertukaran punca iaitu minima seramai dua (2) orang. Pengendali/pekerja sinaran (radiografi industri) ini seharusnya terlebih dahulu menerima pendedahan latihan daripada pengilang/pembuat/penjual bagi tujuan penukaran punca.

- 4) Aspek keselamatan dan sekuriti dikawalselia dengan baik. Pengendali/ pekerja sinaran (radiografi industri) yang terlibat dengan pertukaran punca perlu menghadiri kursus/latihan yang berkaitan dengan kesedaran keselamatan, sekuriti dan kecemasan.